
LAPORAN RINGKASAN TAPAK

**PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI
MENDIRIKAN 1 UNIT RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT DI
ATAS LOT 123, MUKIM AYER PUTEH, DAERAH
PENDANG, KEDAH DARUL AMAN.**

PEMOHON : MUHAMAD AMIN BIN ABDULLAH

PERUNDING : ARKITEK KITA SDN. BHD.

UNTUK:



MAJLIS DAERAH PENDANG

Wisma MDP,
06700 Pendang,
Kedah Darul Aman.

PERAKUAN

Adalah diperakui bahawasanya keseluruhan laporan ringkasan projek ini bagi Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Mendirikan 1 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat Di Atas Lot 123, Mukim Ayer Puteh, Daerah Pendang, Kedah Darul Aman untuk Muhammad Amin Bin Abdullah telah disediakan oleh Arkitek bertauliah yang didaftarkan sebagai ahli korporat Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) dan ahli Lembaga Arkitek Malaysia.

Perakuan ini juga dibuat berdasarkan kehendak Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172); di bawah seksyen 58 (3) dan Akta Arkitek 1967 (Akta 117); di bawah perenggan (d) seksyen 8 (2)

.....

SENARAI ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

-
- 1.0 PENDAHULUAN
 - 2.0 LATAR BELAKANG TAPAK
 - 3.0 MAKLUMAT HAKMILIK TANAH
 - 4.0 ANALISA KEADAAN SEMASA
 - 4.1 LOKASI TAPAK CADANGAN
 - 4.2 GUNA TANAH SEMASA
 - 4.3 SISTEM SALIRAN SEDIA ADA
 - 5.0 CADANGAN PEMBANGUNAN
 - 5.1 LAIN-LAIN
 - 6.0 PENUTUP

1.0 PENDAHULUAN

Permohonan Kebenaran Merancang ini dikemukakan oleh Arkitek Kita Sdn. Bhd. untuk Muhamad Amin Bin Abdullah. Arkitek Kita Sdn. Bhd. telah mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang ini kepada Majlis Daerah Pendang (MDP).

2.0 LATAR BELAKANG TAPAK

Keluasan tanah Lot 123 ini adalah 1,186 meter persegi (12,766 kaki persegi). Lot ini terletak di dalam kawasan Kampung Kubang Anak Gajah iaitu sebuah kawasan pentadbiran Majlis Daerah Pendang (MDP). Syarat kegunaan tanah adalah pertanian seperti di dalam geran (Lampiran 2) iaitu syarat khas adalah kampung.

Kedudukan tanah di tapak cadangan terletak di dalam kawasan Kampung Kubang Anak Gajah. Laluan keluar masuk ke tapak cadangan adalah melalui jalan mini tar sediada yang menghubungkan dengan jalan utama, iaitu Jalan Bukit Jambul. Tapak cadangan (Lot 123) tidak lagi diusahakan sebagai sawah padi. Keadaan tapak cadangan adalah permukaan tanah rata. Di permukaan tapak lot cadangan dipenuhi dengan tumbuhan pokok-pokok renek dan rumput. Lot-lot jiran bersebelah juga dijadikan kawasan kampung. Di kawasan tapak cadangan ini terdapat anak sungai sediada yang bersebelahan dengan lot tapak cadangan dan disambungkan ke terusan sekunder MADA.

3.0 MAKLUMAT HAKMILIK TANAH

3.1 Perihal Tanah

No. Lot	:	Lot 123
No. Hakmilik	:	H.S.(M) 4439
No. Lembaran Piawaian	:	
Mukim	:	Mukim Ayer Puteh
Keluasan Kegunaan Tanah	:	0.1186 Hektar
Syarat Nyata	:	Pertanian
Sekatan Kepentingan	:	Tiada
Nama Pemilik	:	MUHAMAD AMIN BIN ABDULLAH
Bahagian	:	
Alamat Pemilik	:	F39 Kampung Kubang Anak Gajah, Jalan Bukit Raya, 06700 Pendang, Kedah.
Syarat Nyata	:	Kampung

Memandangkan tanah ini adalah kepunyaan **MUHAMAD AMIN BIN ABDULLAH**, pemilik telah melantik **Arkitek Kita Sdn. Bhd.**, No. 88, Taman Kemboja Fasa 1, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman sebagai orang yang bertanggungjawab mengemukakan pelan Permohonan Kebenaran Merancang ini.

4.0 ANALISA KEADAAN SEMASA

Analisa keadaan semasa di buat dengan mengambil kira beberapa aspek berhubung perihal tapak cadangan, analisis fizikal dan potensi atau halangannya bagi menyokong Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Mendirikan 1 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat Di Atas Lot 123, Mukim Air Puteh, Daerah Pendang, Kedah Darul Aman.




Rajah 1 : Foto Udara Kedudukan Tapak Cadangan

4.1 Lokasi Tapak Cadangan

Tapak cadangan ini terikat dengan jalan / laluan iaitu Jalan dari Pendang ke Bukit Jambul sediada bersaiz 66' yang boleh menghubungkan Lokasi tapak cadangan.

Lokasi Utama	Jarak Tapak Cadangan (km)
Pekan Pendang	7.3
Kilang Kecil	2.8

Jadual 1 : Jarak Tapak Cadangan dengan Lokasi Utama



Rajah 2 : Pelan Kunci dan Pelan Lokasi Tapak Cadangan

Gambarajah 1 : Keadaan tapak pada masa kini



Jalan utama
[Jalan Bukit Jambul]
(Dari Bandar Pendang)



Jalan Bukit Jambul
(Jalan Keluar / Masuk Ke Tapak)



Jalan Keluar / Masuk Ke Tapak
(Dari Jalan Utama)



Tapak Cadangan
(Tampak Hadapan)

4.2 Guna Tanah Semasa

Berdasarkan surat hak milik kategori penggunaan tanah ialah pertanian dan syarat nyata adalah kampung. Pada masa kini, keadaan semasa tapak cadangan merupakan semak samun.

4.3 Sistem Saliran Sedia Ada

Berdasarkan tinjauan yang dibuat di atas tapak cadangan didapati terdapat anak sungai sedia ada bersebelahan dengan lot tapak cadangan dan disambung ke terusan sekunder MADA.



Rajah 3 : Anak Sungai Sediada

5.0 CADANGAN PEMBANGUNAN

Pemohon mencadangkan tanah ini untuk Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Mendirikan 1 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat di Atas Lot 123, Mukim Ayer Puteh, Daerah Pendang, Kedah Darul Aman. Rajah ini menunjukkan cadangan permohonan. Luas ruang lantai yang dicadangkan adalah 133.78 meter persegi.

5.1 Lain-lain

Jalan keluar/masuk adalah dicadangkan dari jalan minitar sediada dihadapan tapak cadangan.

6.0 PENUTUP

Laporan ini secara keseluruhannya telah menjelaskan tentang justifikasi atau rasional Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Mendirikan 1 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat di Atas Lot 123, Mukim Ayer Puteh, Daerah Pendang, Kedah Darul Aman. Laporan ini juga telah mengemukakan analisis tapak cadangan, mengambil kira keadaan guna tanah tapak dan kesesuaiannya. Dalam masa yang sama tapak cadangan dilihat amat bersesuaian kerana berada di kawasan tersedia untuk dibangunkan.

Oleh demikian, pihak **Arkitek Kita Sdn. Bhd.** sebagai Artitek bertauliah yang dilantik bersependapat bahawa permohonan kebenaran merancang bagi cadangan ini adalah layak untuk dipertimbangkan. Ini turut disokong dengan keadaan semasa tapak cadangan ini tidak mempunyai halangan jika dibangunkan dengan Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Mendirikan 1 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat di Atas Lot 123, Mukim Ayer Puteh, Daerah Pendang, Kedah Darul Aman.